

GEO *Tour de* Malaysia

KERJA LAPANGAN PELAJAR
GEOSAINS TAHUN 3

m.s. : 20





LAWATAN AKADEMIK

KURSUS EKT3093 DAN EKE3093

Nor Sayzwani Sukri & Encik Hizami Hassin

Lawatan akademik merupakan salah satu aktiviti luar P&P yang bertujuan memberikan pendedahan luar bilik kuliah terhadap sesebuah subjek. Pelajar tahun 3 Program SEL berkesempatan mengadakan lawatan akademik ke Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah, Pahang, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong Selangor dan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Kuala Lumpur yang menggabungkan kursus Sosiologi dan Pembangunan Lestari (EKT3093) dan kursus Ekonomi Perdagangan Alam Sekitar (EKT3143). Lawatan akademik ini diadakan pada 25 -27 Mei 2023.

Bagi kursus EKT3093 pendedahan di Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah dan FRIM memberikan gambaran sebenar mengenai konsep ekosentrik yang diaplikasikan di tempat-tempat tersebut. Manakala bagi kursus EKT 3143 pengaplikasian konsep ekonomi perdagangan alam sekitar di Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah dan pelajar berpeluang mendengar taklimat secara lansung daripada pihak MITI mengenai isu semasa ekonomi perdagangan alam sekitar di Malaysia mahupun di peringkat global.